

Surat khabar: Utusan Borneo ( Tempatan )

Hari/Tarikh: 1/10/2013

Muka surat: 3

Tajuk : Ribuan Peserta Berhimpun Di UNIMAS Saksikan Pelancaran STEMFest 2013 Semalam.

# Ribuan peserta berhimpun di UNIMAS saksikan pelancaran STEMFest 2013 semalam

**KOTA SAMARAHAN:** Ribuan peserta daripada lebih 40 negara berhimpun di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) semalam bagi menyaksikan pelancaran Festival Antarabangsa Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau STEMFest 2013.

Dilancarkan oleh Ketua Menteri Pehin Sri Abdul Taib Mahmud, STEMFest yang berlangsung buat julung kalinya di negeri ini, akan membantu Sarawak dalam usaha melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Merangkumi enam persidangan antarabangsa, STEMFest 2013 mendapat kerjasama daripada UNIMAS, Tabung Ekonomi Gagasan Anak Bumiputera (TEGAS) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

"STEMFest 2013 merupakan sebahagian daripada Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Sarawak dan ia adalah satu kebanggaan untuk membawa acara ini ke Sarawak," kata Pengarah Eksekutif Global STEM States Incorporated David Goncalves.

"Pasukan tempatan kami di Kuching telah memainkan kerjasama dengan pengajar-pengajar tempatan dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik mengenai pembangunan profesional dan menyertai projek-projek antarabangsa."

"Acara ini membawa pemimpin-pemimpin dunia ke Kuching dan minggu ini tumpuan sains, teknologi dan kejuruteraan di seluruh dunia adalah pada Sarawak,"



**LANCAR:** Taib (tengah) melakukan simbolik pelancaran STEMFest 2013 di UNIMAS di Kota Samarahan semalam. Turut kelihatan Goncalves (kanan) dan Puan Sri Ragad Kurdi Taib (kiri).

tambah Goncalves.

Dalam pada itu, Global STEM States merupakan sebuah organisasi antarabangsa dan sebagai tambahan kepada aktiviti-aktiviti tempatan, mengumumkan akan membuka pejabat Asia di Kuching.

Ini akan menjadi persatuan antarabangsa keempat yang akan i beroperasi sepenuh masa di bandar raya Kuching sejak Biro Konvensyen Sarawak (SCB) dibuka lima tahun lepas.

UNIMAS dan SCB diberi penghargaan oleh pengajur atas peranan menjemput persatuan antarabangsa menyertai acara di Sarawak.

Malah Pengarah Program Scott

Campbell berkata: "Tanpa sokongan daripada individu-individu seperti Naib Canselor UNIMAS Prof Dr Mohamad Kadim Suaidi dan pasukan SCB diketuai Dato Sri Muhammad Leo Michael Toyad, program ini tidak mungkin akan berjaya di Kuching."

Sarawak kini merupakan sebahagian daripada 12 negeri di seluruh dunia dari Rusia hingga Kanada yang bekerja aktif untuk menjadi hab inovasi dan pendidikan terkemuka.

Keju penyelidikan terkemuka di UNIMAS, projek SCORE dan pusat biodiversiti merupakan antara contoh komitmen Sarawak ke arah hab inovasi dan pendidikan terkemuka.